

## Jika anda lahir pada tahun **1980** atau kemudian

- Perlindungan universal – Anda akan terlindung walaupun mempunyai masalah kesihatan sebelumnya dan/atau kehilangan upaya.
- Jika anda lahir antara tahun 1980 dengan 1990, anda akan sertai CareShield Hayat secara automatik pada tahun 2020.
- Jika anda lahir selepas 1990, anda akan sertai CareShield Hayat apabila anda berusia 30 tahun.
- Subsidi sementara akan disediakan dari tahun 2020 hingga 2024.


CENTRAL PROVIDENT FUND BOARD SINGAPORE

MINISTRY OF HEALTH SINGAPORE

aic agency for integrated care

Untuk maklumat lanjut, sila layari careshieldlife.gov.sg

Jika ada pertanyaan, sila hubungi pihak Lembaga CPF di talian **1800-222-3399**


CareShieldLife



# *MENJAGA ANDA, SEPANJANG HAYAT*

Semakin penduduk Singapura menua, ramai lagi rakyatnya yang memerlukan penjagaan jangka panjang.

Kementerian Kesihatan memperkenalkan 3 langkah baharu **supaya bayaran untuk penjagaan jangka panjang lebih berpatutan untuk semua rakyat Singapura.**

## APAKAH YANG AKAN BERLAKU APABILA CARESHIELD HAYAT DILANCARKAN PADA 1 OKTOBER 2020?



## Jika anda lahir pada tahun **1979** atau sebelumnya

- Pelan ElderShield anda yang terkini akan terus melindungi anda.
- Anda boleh memilih untuk menyertai CareShield Hayat hampir ke penghujung tahun 2021, jika anda tidak kehilangan daya upaya yang teruk.
- Anda boleh menikmati insentif sebanyak $2,500 jika anda ikut serta sebelum akhir tahun 2023. Warga Emas Generasi Merdeka dan Generasi Perintis akan menerima wang tambahan $1,500.

# CareShield Hayat

ialah skim insurans penjagaan jangka panjang yang akan menyokong rakyat Singapura yang kehilangan upaya yang teruk untuk penjagaan asas jangka panjang mereka



## Sebagai tambahan kepada CareShield Hayat, rakyat Singapura juga akan memanfaatkan dua langkah baharu bermula tahun 2020

### CareShield Hayat akan memberikan perlindungan yang lebih baik dan jaminan dalam 4 cara

**1 Bayaran Tunai Sepanjang Hayat**
Selagi anda masih kehilangan upaya yang teruk

**2 Bayaran Tunai bermula dengan jumlah $600 setiap bulan pada tahun 2020 dan akan meningkat setiap tahun** sehingga anda berusia 67 tahun atau apabila anda berjaya membuat tuntutan

**3 Pemerintah akan memberikan subsidi supaya bayaran untuk premium berpatutan**
Tiada sesiapa yang akan kehilangan perlindungan kerana tidak berupaya membayar premium

**4** Premium boleh dibayar sepenuhnya dengan menggunakan **MediSave**

### Apabila Adam yang usianya 30 tahun pada tahun 2020 menyertai CareShield Hayat

**Jika dia kehilangan upaya yang teruk pada usia 67 tahun atau lebih tua**

**Bayaran Tunai sepanjang hayat sebanyak $1,200** setiap bulan

Dia tidak lagi membayar premium pada usia 67 tahun, namun perlindungan yang diterima berterusan

* Jika dia kehilangan upaya pada usia yang lebih lanjut, maka bayaran tunai setiap bulan yang bakal diterima adalah lebih tinggi

Dia tidak lagi membayar premium setelah berjaya membuat tuntutan

**Jika dia kehilangan upaya yang teruk pada usia 30 tahun**

**Bayaran Tunai sepanjang hayat sebanyak $600** setiap bulan

*Bayaran Tunai CareShield Hayat akan meningkat hingga usia 67 tahun atau tuntunan berjaya dilakukan, mana-mana yang lebih awal.
Dalam contoh yang diberikan, andaian bayaran tunai meningkat 2% setiap tahun.
Bayaran tunai yang sebenar berbeza-beza bergantung kepada penyesuaian yang dilakukan dengan tetap.

### Penjagaan Medisave BAHARU
dari 1 Oktober 2020

**Keluar Wang Tunai**

Sebanyak **$200** setiap bulan daripada MediSave untuk mereka yang kehilangan upaya yang teruk

### ElderFund BAHARU
dari 31 Jan 2020

Bantuan untuk rakyat Singapura berpendapatan rendah yang kehilangan upaya yang teruk

Sebanyak **$250** setiap bulan untuk membantu mereka yang memerlukan penjagaan jangka panjang

### Skim dan subsidi pemerintah yang lain